



SIARAN AKHBAR

Penandatanganan Memorandum Persefahaman Kerjasama Antara Brunei Darussalam Central Bank dan Universiti Brunei Darussalam

**Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah,
Bandar Seri Begawan**

Selasa, 5 Sya'ban 1446H bersamaan dengan 4 Februari 2025M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menandatangani sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) pada hari Selasa, 5 Sya'ban 1446H bersamaan dengan 4 Februari 2025 di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Bandar Seri Begawan.
2. MoU tersebut telah ditandatangani oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan, BDCB dan Yang Mulia Dr Hazri bin Haji Kifle, Naib Canselor, UBD. Pertukaran dokumen MoU telah diadakan semasa majlis pembukaan rasmi persidangan pertama UBD mengenai Kewangan Islam dan Kelestarian [ICIFS 2025].
3. MoU ini mewujudkan kerjasama rasmi dalam beberapa bidang termasuk penyelidikan, penerbitan bahan-bahan penyelidikan, pembangunan kapasiti, pertukaran maklumat dan data, penganjuran acara, serta inisiatif-inisiatif lain yang boleh memanfaatkan kedua-dua organisasi.
4. MoU ini menandakan permulaan kerjasama antara BDCB dan UBD serta menggariskan komitmen kedua-dua pihak dalam menyokong dan menyumbang kepada aspirasi Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 8 Sya'ban 1446H / 7 Februari 2025M

Rujukan: BDCB/COMMS/3